

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

SOALAN

DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah efektif Kerajaan untuk memastikan Malaysia tidak akan mengalami krisis air dalam menghadapi pemanasan global (*global warming*) yang melanda dunia sekarang termasuklah Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan sumber-sumber air dalam menjamin '*water security*' kepada negara. Sebagai persediaan menghadapi pemanasan global (*global warming*) yang melanda dunia sekarang termasuk Malaysia, bermula pada tahun 2017, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan menumpukan kepada 7 strategi utama Pengurusan Permintaan Air (*Water Demand Management*) terutamanya dalam Sektor Domestik, Industri dan Pertanian di Malaysia. Pengurusan permintaan air adalah kaedah yang berkesan bagi menguruskan sumber air negara secara lestari dan mampan melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:

- (a) perluasan penggunaan aparatus cekap air (*water efficient*) seperti tandas dwi curahan (*dual flush water closet*) secara mandatori yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);

- (b) pelaksanaan mandatori Skim Pelabelan Produk Cekap Air (*Water Efficient Product Labelling Scheme*) bagi produk-produk air secara berperingkat oleh SPAN dengan sasaran awal pelaksanaan kepada tandas-tandas awam dan masjid-masjid;
- (c) penguatkuasaan dan tindakan undang-undang ke atas kes kecurian air oleh SPAN dengan tumpuan kepada premis komersial dan bukan domestik;
- (d) penerokaan dan penggunaan sumber-sumber air alternatif seperti air hujan dan efluen terawat bagi mengurangkan kebergantungan kepada air terawat;
- (e) pelaksanaan Audit Kecekapan Air bagi premis-premis yang menggunakan air yang banyak;
- (f) pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempromosikan kreativiti dan inovasi industri perkhidmatan air negara ke arah yang lebih berdaya maju dan mampan; dan

(g) kecekapan penggunaan sumber air mentah di semua sektor ekonomi (domestik, industri dan pertanian).

2. 7 strategi ini dipilih dengan mengambil kira pelaksanaannya dapat dibuat dalam masa singkat iaitu antara 1 hingga 2 tahun. Bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan Pelan Tindakan ke atas 7 strategi permintaan air tersebut, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan agar ianya dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

3. Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan menumpukan kepada beberapa kaedah alternatif penyimpanan air mentah yang boleh dibangunkan di kawasan hilir sungai berbanding pembangunan infrastruktur di kawasan hulu sungai yang sedang dilaksanakan pada masa sekarang. Pembangunan infrastruktur di kawasan hilir sungai dibuat dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) berhampiran dengan kawasan permintaan bekalan air;
- (ii) kelestarian sumber air walaupun berlaku banjir, kemarau yang panjang dan pencemaran air permukaan;
- (iii) penggunaan tenaga yang lebih rendah terutamanya daripada aspek pengepaman dan penggunaan pam yang berkapasiti rendah;
- (iv) kehilangan air yang minimum akibat evaporasi, kebocoran paip dan sebagainya;
- (v) lebih mesra alam sekitar kerana menggunakan bahan kimia yang minimum dan menjamin keseimbangan kepada ekosistem dan mengurangkan ancaman kepada flora dan fauna terutama di kawasan hulu;
- (vi) penggunaan tanah yang mempunyai nilai ekonomi yang rendah seperti kawasan paya, bekas lombong dan sebagainya; dan

(vii) kos perbelanjaan operasi (OPEX) dan perbelanjaan modal (CAPEX) yang dapat dikurangkan.

4. Antara kaedah alternatif penyimpanan air mentah yang dikenal pasti dalam memastikan kelestarian bekalan air terawat kepada pengguna adalah seperti pembinaan baraj sungai, pembinaan *off river storage* (ORS), *riverbank filtration system* (RBF), penggunaan air tanah (*ground water*), pembinaan empangan bawah tanah, penggunaan air daripada kolam takungan banjir dan penggunaan air daripada tasik semula jadi atau buatan.